KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	-			



Dr Shukor Sanim menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Penanaman Pokok dengan menanam spesis pokok Belian Khamis lepas.

UiTM Perlis tanam pokok spesies terancam

ALOR SETAR - Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perlis mengambil inisiatif menanam 20 pokok daripada pelbagai spesies terancam di kawasan ladang universiti itu Khamis lepas.

Rektor UiTM Perlis, Profesor Madya Dr Shukor Sanim Mohd Fauzi berkata, antara spesies terlibat termasuk Belian, Meranti dan Damak.

Beliau menjelaskan, program itu selari dengan Program Penanaman 100 Juta Pokok yang diadakan di seluruh negara bermula tahun ini hingga 2025.

"Saya menyambut baik usaha penanaman 100 juta pokok ini kerana ia membantu meningkatkan kelestarian alam sekitar.

"Usaha ini juga dapat memberi peluang kepada generasi kini untuk mengenali spesies pokok yang sudah jarang didapati kini," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Sebelum itu, beliau menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Penanaman Pokok dengan menanam spesies pokok Belian diikuti beberapa kakitangan UiTM Perlis.

Tambah beliau, tanaman berkenaan juga dilihat boleh dijadikan satu daya tarikan Agrotourism di UiTM Cawangan Perlis.